



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

BUKU PANDUAN MENGHADIRI TEMU DUGA



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**BUKU PANDUAN
MENGHADIRI TEMU DUGA**

ASPIRASI

Syukur ke hadrat Allah atas limpah kurnia-Nya, buku elektronik Panduan Menghadiri Temu Duga ini berjaya dihasilkan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak atas usaha menghasilkan buku elektronik ini. Dari masa ke semasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak akan sentiasa membuat penambahbaikan agar perkhidmatan yang diberikan sentiasa memenuhi kehendak pemegang taruh.

Sehubungan itu, besar harapan dengan adanya buku elektronik Panduan Menghadiri Temu Duga ini dapat dijadikan rujukan oleh calon untuk lebih bersedia dan merasa lebih yakin semasa menghadiri sesi temu duga. Selain itu, dapat mengelakkan pemegang taruh kehilangan calon yang berkelayakan dan bersesuaian.


Akhir kata dari saya, semoga buku elektronik ini memberi manfaat yang besar kepada calon-calon yang akan menghadiri sesi temu duga terutamanya rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Sekian, terima kasih.



(DATO' PAHLAWAN HASNAN BIN HASSAN)

Pengerusi,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri,
Perak Darul Ridzuan





PRAKATA

Alhamdulillah, penghasilan buku elektronik Garis Panduan Menghadiri Temu Duga ini merupakan satu lagi usaha penambahbaikan berterusan oleh pentadbiran ini.

Buku elektronik ini digarap untuk memberi panduan kepada calon temu duga berhubung aspek-aspek yang perlu dititikberatkan sebelum dan semasa temu duga termasuklah adab dan saranan serta larangan semasa temu duga.

Namun, buku elektronik ini hanyalah sebagai panduan kepada calon dan tidak boleh dijadikan sebagai jaminan bahawa calon akan berjaya dalam temu duga yang dihadapinya.

Hasrat pentadbiran ini untuk membantu calon sedikit sebanyak dalam mempersiapkan diri dari segi fizikal dan mental sebelum menghadiri sesi temu duga sesuatu jawatan agar lebih bersedia, terampil dan berkeyakinan.

Sekian, terima kasih.

(ZAIRINA BINTI NOORDIN)

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
Perak Darul Ridzuan

PERAK



TUJUAN

01

Menerangkan maksud
dan kepentingan temu
duga

02

Membantu calon
mempersiapkan diri dari
segi fizikal dan mental
sebelum dan semasa
menghadiri temu duga

03

Memberi panduan agar
calon temu duga dapat
memenuhi jangkaan
panel penemu duga
dalam semua aspek

DEFINISI

Temu duga didefinisikan sebagai soal jawab antara majikan dengan orang yang memohon kerja (Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my/>).

Dalam konteks perkhidmatan awam, temu duga menjadi salah satu kaedah yang digunakan oleh pihak berkuasa melantik untuk memilih calon yang paling layak dan sesuai bagi mengisi sesuatu jawatan secara lantikan ataupun secara kenaikan pangkat.

Kebiasaannya, temu duga yang dilaksanakan berbentuk suatu sesi soal jawab bersemuka antara satu atau sekumpulan penemu duga dan calon temu duga dalam satu tempoh yang singkat. Temu duga berkumpulan juga mungkin dilaksanakan bagi sesetengah jawatan mengikut kesesuaian di mana sekumpulan calon akan ditemu duga secara serentak oleh panel temu duga. Bagi jawatan-jawatan tertentu pula, calon mungkin dikehendaki untuk membuat pembentangan ringkas atau persembahan.

Pelbagai aspek akan dinilai oleh panel temu duga dalam tempoh yang singkat tersebut berdasarkan kelayakan dan pengalaman yang dibuktikan oleh calon melalui dokumen-dokumen yang dibawa dan cara calon menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Oleh itu, calon hendaklah membuat persiapan yang rapi agar sesi temu duga berjalan lancar dan calon lebih menonjol berbanding calon-calon yang lain.

ASPEK DIBERI PENEKANAN

KELAYAKAN

PENAMPILAN

**SAHSIAH
DIRI**

**PENGETAHUAN
AM**

**PENGETAHUAN
KHUSUS**

KOMUNIKASI

**KO-
KURIKULUM/
SUMBANGAN**

**PENGALAMAN
/ KEPIMPINAN
(Jika berkenaan)**

**KESESUAIAN
JAWATAN**

PANDUAN TEMU DUGA

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA

i) KELAYAKAN – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Sediakan FAIL KHAS yang mengandungi dokumen **ASAL** dan **SALINAN PHOTOSTAT YANG TELAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN KUMPULAN A / PENGHULU** seperti berikut :
 - Borang Maklumat Peribadi Pemohon
 - MyKad dan Sijil Kelahiran Pemohon
 - Salinan MyKad Bapa Pemohon (sekiranya pemohon bukan anak kelahiran Negeri Perak)
 - Sijil PMR/ PT3 atau setaraf
 - Sijil SPM/ SPM(V) atau setaraf
 - Sijil STPM/ STAM /Matrikulasi KPM/ Diploma / Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah berserta transkrip. (Sijil dan transkrip dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)
 - Salinan pengiktirafan diploma/ ijazah Sistem (eSISRAF)/ Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), (sekiranya berkaitan)
 - Slip keputusan peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan bagi **pegawai Peningkatan Secara Lantikan**
 - Sijil Pendaftaran Orang Kurang Upaya/ Surat pengesahan penerima eKasih (jika berkenaan)
 - Sijil-sijil lain yang berkaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Ikhtisas (jika berkenaan)
 - Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam/ Pihak berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun (tetap/kontrak) **DIWAJIBKAN** mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - Lampiran A – Pengesahan Ketua Jabatan (*muat turun di spa.perak.gov.my*)
 - Lampiran D – Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan (*muat turun di spa.perak.gov.my*)
 - Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (*Rekod Perkhidmatan dan Cuti*)
 - LNPT Terkini
 - Perisytiharan Harta
 - Penyata Gaji akhir
 - Salinan Lesen Memandu (sekiranya berkaitan)

PANDUAN: Sediakan dokumen mengikut senarai semak yang diberi dan susun dokumen mengikut senarai semak tersebut

PANDUAN TEMU DUGA (samb)

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA (samb)

ii) PENAMPILAN – LELAKI

- Kemeja lengan panjang dan berwarna cerah
- Tali leher yang sesuai (saiz, warna dan corak)
- Seluar kerja berwarna gelap
- Tali pinggang gelap dan sesuai
- Kasut kerja bertutup dan berwarna hitam
- Stokin kosong berwarna gelap
- Sut urusan (lounge suit) mengikut kesesuaian jawatan
- Rambut pendek dan kemas disisir rapi
- Misai/ jambang/ janggut kemas (sekiranya berkaitan)

PANDUAN: Kebersihan dan penampilan diri yang menarik



PANDUAN TEMU DUGA (samb)

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA (samb)

iii) PENAMPILAN – PEREMPUAN

- Pakaian sopan dan tidak mencolok mata (berbaju kurung, kebaya labuh, kemeja dan skirt labuh)
- Sut urusan (lounge suit) mengikut kesesuaian jawatan.
- Kasut sarung hitam (court shoes)
- Solekan yang sesuai dan tidak berlebihan

PANDUAN: Kebersihan dan penampilan diri yang menarik



PANDUAN TEMU DUGA (samb)

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA (samb)

iv) PENGETAHUAN AM

- Dasar-dasar kerajaan yang diwar-warkan
- Pelbagai isu-isu semasa dalam Negeri, dalam Negara dan luar Negara
- Pemerintah Negeri dan Negara
- Pemimpin-Pemimpin Negeri dan Negara
- Maklumat berkaitan Daerah, Negeri dan Negara
- Maklumat-maklumat lain yang berkaitan

PANDUAN: Baca akhbar utama dan tonton Berita Perdana. Selidik dasar kerajaan melalui saluran yang sah.

PANDUAN TEMU DUGA (samb)

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA (samb)

v) PENGETAHUAN KHUSUS



PANDUAN: Buat kajian lapangan sekiranya boleh. Dapatkan panduan dan khidmat nasihat. Rujuk bahan bacaan dan laman web yang sahih.


PANDUAN TEMU DUGA (samb)

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA (samb)

vi) KOMUNIKASI

- Cakap dengan jelas dan teratur
- Tunjuk keyakinan diri
- Dengar setiap soalan yang diajukan dengan teliti sebelum menjawab
- Jawab soalan dengan jelas, yakin dan tenang

PANDUAN: Buat latihan temu duga. Lengkapkan diri dengan pengetahuan yang berkaitan. Anggap temu duga sebagai satu proses biasa yang perlu dilalui.



PANDUAN TEMU DUGA (samb)

A. PERSEDIAAN SEBELUM TEMU DUGA (samb)

vii) LOGISTIK



PANDUAN: Dapatkan peta lokasi/ koordinat GPS Pusat Temu Duga. Pastikan tarikh dan Masa Temu Duga yang betul. Anggarkan masa untuk sampai ke lokasi. Pastikan kenderaan yang akan digunakan.

PANDUAN TEMU DUGA (samb)

B. PERSEDIAAN HARI TEMU DUGA

- Hadir **TEPAT** pada **TARIKH**, **MASA** dan **TEMPAT** yang ditetapkan
- Bawa Surat Panggilan Temu Duga dan Dokumen berkaitan
- Berpenampilan kemas dan sesuai
- Tiba 30 minit awal
- Daftar diri dan dapatkan nombor giliran
- Tunggu giliran dan duduk dengan tenang
- Matikan Telefon Bimbit atau letak pada mod senyap
- Dilarang membuat bising di luar Bilik Temu Duga pada setiap masa





PANDUAN TEMU DUGA (samb)

C. ADAB TEMU DUGA



PANDUAN TEMU DUGA (samb)

D. SARANAN & LARANGAN

i) SARANAN

- Duduk tegak dengan tertib dan sopan semasa temu duga
- Jawab soalan yang ditanya dengan yakin, jelas dan tenang
- Mohon maaf sekiranya tidak jelas dan meminta diulang soalan dengan tertib
- Gunakan Bahasa Kebangsaan yang betul dan intonasi yang sesuai
- Jawab soalan setelah panel selesai berkata-kata
- Tunjukkan kesungguhan untuk bekerja
- Guna gelaran yang betul kepada panel seperti Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan



PANDUAN TEMU DUGA (samb)

D. SARANAN & LARANGAN (samb)

ii) LARANGAN

- Seluar *jeans* atau seluar sukan atau seluar khaki
- Sandal, kasut sukan atau selipar
- Duduk kaki silang dan menggoyangkan kaki semasa temu duga
- Tidak jujur
- Potong percakapan panel
- Beri jawapan yang meleret dan tidak relevan dengan soalan yang ditanya
- Guna dialek daerah
- Jawab soalan dengan menyentuh perkara sensitif dan berbaur politik
- Kutuk atau hina individu tertentu
- Cakap terlampau laju
- Tuding jari ke arah panel
- Tidak pandang ke arah panel apabila menjawab soalan
- Gerakkan badan atau tangan secara berlebihan
- Kebaya pendek, baju dan seluar atau kain ketat
- Tidak memakai aksesori yang berlebihan



PENUTUP

Sebelum calon menghadiri temu duga, calon seharusnya sudah dapat menilai diri sendiri sebelum dinilai oleh penemu duga. Calon perlu melihat diri dari segi:-

- Kelebihan diri sendiri
- Personaliti
- Pencapaian Akademik
- Kekuatan dan kelemahan
- Pengetahuan Am
- Pengalaman Kerja

Calon digalakkan untuk membuat latihan amal temu duga dengan bantuan rakan-rakan atau keluarga untuk membina keyakinan diri dan sebagai salah satu kaedah penilaian diri.



SEMOGA BERJAYA



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK
E-5-2, E-6-2, MENARA SSI, SOHO 2,
JALAN SULTAN IDRIS SHAH,
30000 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

05-2540615 (TEL)
05-2422239 (FAKS)

spa@perak.gov.my (E-mel)
<http://spa.gov.my> (Laman Web)
SPA PERAK (Facebook)